

29 JUN 1998

Rubin-Dasar

DASAR KEWANGAN KETAT MUNGKIN JERUT EKONOMI

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin, sambil menyokong pendapat bahawa dasar kewangan yang ketat mungkin menjerut ekonomi, bagaimanapun merasakan bahawa dasar sebaliknya mempunyai kekurangan.

Katanya bagi sesebuah negara yang menghadapi kemelesetan ekonomi, penggunaan pakai dasar kewangan yang longgar boleh mengakibatkan penyusutan ketara matawangnya, inflasi tambahan, menyekat pelaburan asing, menggalakkan pengaliran keluar modal dan melipat gandakan risiko bagi pembayaran balik hutang bagi pinjaman yang disandarkan kepada matawang asing.

"Apa yang dilakukan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) adalah agak tepat," katanya dengan jelas membela ramuan IMF mengenai kadar faedah lebih tinggi dan sekatan kredit bagi pembaharuan ekonomi.

Bercakap pada persidangan akhbar pada akhir lawatan seharinya ke sini, Rubin berkata "mengujudkan imbangan yang betul adalah apa yang cuba dilakukan IMF, terutamanya mengenai isu dan kedudukan yang kompleks."

Mengenai padangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa strategi IMF mengenai kadar faedah yang mana diguna pakai oleh Malaysia telah merosakkan ekonomi, beliau berkata: "Saya fikir pandangan-pandangan Perdana Menteri mengenai banyak isu adalah agak diketahui umum. Saya kira adalah adil menyatakan bahawa pandangan Amerika juga agak diketahui umum."

Bagaimanapun, Rubin berpendapat bahawa dasar kadar faedah Malaysia patut ditentukan oleh pihak berkuasanya sendiri.

"Saya tidak fikir saya, dari luar, patut mengulas mengenai paras kadar faedah Malaysia."

Rubin berkata IMF telah cuba mencari imbangan yang betul dasar matawang dan kenapa tidak terdapat "satu formula yang sepadan dengan semua pendekatan."

Mengenai maklumat balas daripada peniaga-peniaga AS yang beroperasi di Malaysia, beliau berkata mereka masih yakin terhadap kekukuhan asas Malaysia dan percaya bahawa pelaburan mereka di negara ini akan berterusan.

Mengenai perjumpaannya dengan para pemimpin perniagaan Malaysia, Rubin berkata beliau memahami kebimbangan mereka terhadap kelembapan ekonomi di negara ini yang mereka rasa sebahagiannya disebabkan pertumbuhan sifar Jepun dalam enam hingga tujuh tahun lalu dan kemelesetan ekonomi sekarang.

Pemimpin-pemimpin perniagaan Malaysia juga membangkitkan isu halangan ke atas aliran modal jangka pendek dan merasakan bahawa Jepun perlu menangani masalah sistem perbankannya secepat mungkin kerana ia mempunyai kesan langsung ke atas ekonomi-ekonomi di rantau ini.

Rubin juga diminta mengulas mengenai apa yang dikatakan "jurang" antara Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kemungkinan ada ketidakstabilan politik.

Beliau berkata; "Ini adalah satu soalan yang saya tidak akan campur tangan. Berkenaan dengan kedudukan politik di Malaysia, saya adalah orang yang salah untuk menjawab (pertanyaan itu)."

Mengenai lawatannya ke sini, Rubin berkata beliau telah mengadakan perbincangan yang baik dengan para pemimpin Malaysia.

-- BERNAMA

TEAM FR OS